



TEKS UCAPAN ALUAN

**YBHG. PROFESOR DATUK TS. DR. SHAHRIN
SAHIB@SAHIBUDDIN
NAIB CANSOLOR UiTM**

SEMPENA

**MAJLIS PENUTUPAN PROGRAM USAHAWAN MUDA
PERINGKAT KEBANGSAAN**

11.30 PAGI | 16 JANUARI 2025 (KHAMIS)

**DEWAN AGUNG TUANKU CANSOLOR
UiTM SHAH ALAM**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

**ALHAMDULILLAH ROBBIL 'AALAMIIN
WASOLAATU WASSALAAMU 'ALAA
ASYRAFIL ANBIYAAI WAL MURSALIIN
WA 'ALAAALIHI WASOHBHI AJMA'IN.**

Terima kasih kepada Saudara/Saudari Pengacara Majlis.

SALUTASI

Disediakan Di Rostrum.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,

Selamat sejahtera, Salam UiTM di hatiku dan Salam Malaysia MADANI.

1. Alhamdulillah, dengan limpah kurnia-Nya, kita dapat bersama-sama pada pagi ini dalam majlis **Penutupan Program Usahawan Muda (PUM) 2025**, anjuran Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), dengan kerjasama Majlis Keusahawanan Mahasiswa Universiti-Universiti Malaysia (MAKMUM), Jabatan Pengajian Tinggi (JPT), dan Universiti Teknologi MARA (UiTM).

2. Program ini adalah bertujuan memupuk semangat keusahawanan dalam kalangan pelajar, sejajar dengan hasrat negara untuk melahirkan usahawan muda yang mampan, inovatif, dan kompetitif. UiTM amat berbesar hati menjadi rakan kerjasama dalam inisiatif ini, kerana kami percaya bahawa kerjasama antara institusi pengajian tinggi dan agensi seperti SSM merupakan kunci kejayaan dalam mencorak ekosistem keusahawanan yang dinamik.

3. Program Usahawan Muda ialah platform penting untuk menyemai ilmu dan kemahiran praktikal yang relevan dalam dunia perniagaan moden. Dalam era globalisasi dan digitalisasi, usahawan muda khususnya, perlu melengkapkan diri dengan pengetahuan tentang strategi pemasaran digital, pengurusan kewangan pintar, dan inovasi produk. Kami amat menghargai usaha SSM yang bukan sahaja menganjurkan program ini, bahkan memastikan pengisian program seperti Revolusi Pemasaran Digital dan Scam Alert relevan dan mampu memberi impak yang besar.

Para hadirin sekalian,

4. Universiti Teknologi MARA sentiasa komited dalam memupuk budaya keusahawanan dalam kalangan mahasiswa. Melalui peranan Akademi Pembangunan PKS dan Keusahawanan Malaysia (MASMED) UiTM, kami telah melancarkan pelbagai inisiatif untuk membimbing pelajar menjadi usahawan yang berwawasan. Sebagai contoh, inkubator

perniagaan UiTM iaitu Uni-Spa, Kafe Mvnch Bites, dan The Junction Co-Working Space yang merupakan satu platform inklusif untuk pelajar menerokai bidang kecantikan dan *F&B* serta ruang kerja yang menyokong keusahawanan pelajar. UiTM juga berkolaborasi bersama Bank Rakyat melalui **BANK RAKYAT UNIPRENEUR** yang merupakan program inisiatif khas kepada usahawan siswa asnaf dengan menawarkan bantuan kewangan bagi meningkatkan modal perniagaan. UiTM turut berbangga, kerana ramai alumni kami kini menjadi pemimpin perniagaan yang berjaya, menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara seperti Datuk Rizalman, Datuk Syafinaz, Rizman Ruzaini dan ramai lagi.

5. Program seperti ini juga memperlihatkan keprihatinan SSM terhadap pembangunan bakat muda, sekali gus memastikan mereka didedahkan dengan aspek-aspek seperti Usahawan Berdaftar dan Transformasi Pembayaran Pintar. Pendekatan ini bukan sahaja mendidik pelajar tetapi juga mendisiplinkan mereka untuk menjadi usahawan yang bertanggungjawab.

6. Dalam usaha membentuk usahawan mampan, inovasi perlu menjadi teras setiap perniagaan. Kita yakin bahawa program seperti Pertandingan Business Combat, yang memberi peluang kepada pelajar mempersembahkan idea perniagaan secara *pitching*, mampu mencungkil kreativiti mereka. Inisiatif sebegini adalah contoh terbaik bagaimana kita boleh menyediakan platform untuk pelajar meneroka dan merealisasikan idea-idea baharu.

7. Namun, apa yang paling penting adalah integriti usahawan itu. Integriti merupakan prinsip asas yang sangat penting dalam dunia perniagaan dan memainkan peranan yang signifikan dalam membentuk usahawan mampan. Ia bukan sahaja membina kepercayaan pelanggan, malah mewujudkan hubungan yang baik dengan pihak berkepentingan serta memastikan bahawa keputusan perniagaan diambil dengan pertimbangan etika. Usahawan yang berpegang pada prinsip integriti mampu membina reputasi positif yang menarik pelanggan dan mencipta peluang perniagaan baru, di samping meningkatkan kepuasan

dan produktiviti pekerja. Dengan demikian, integriti menjadi faktor utama dalam mencapai kejayaan jangka panjang dalam perniagaan yang bertanggungjawab dan mampan.

Hadirin yang dihormati,

8. Saya berharap program ini dapat terus diadakan dan ditambahbaik pada masa hadapan. SSM dan UiTM, bersama dengan agensi lain, akan terus berganding bahu untuk memastikan program keusahawanan seperti ini menjadi agenda utama dalam mendidik generasi muda.

9. Kepada para peserta, ambillah peluang ini untuk belajar, berkongsi idea, dan membentuk jaringan dengan rakan-rakan usahawan muda yang lain. Jangan takut untuk mencuba dan belajar daripada kegagalan, kerana setiap langkah yang diambil adalah pelajaran berharga ke arah kejayaan. Ingatlah, setiap usahawan yang berjaya bermula dengan langkah pertama yang penuh dengan keberanian dan kesungguhan.

10. UiTM berazam untuk menjadi universiti yang melahirkan usahawan bertaraf dunia, sejajar dengan visi kami untuk menjadi institusi pengajian tinggi yang 'Globally Renowned, Locally Rooted'. Dengan sokongan agensi seperti SSM, saya yakin usaha kita bersama akan mengangkat nama Malaysia sebagai pemimpin keusahawanan di peringkat global.

Sekian.

Wabillahi Taufik Wal Hidayah,

Wassalammualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.